

Soalan No:52

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH [KUBANG KERIAN]**

**TARIKH : 28.11.2017**

**SOALAN :**

**Tuan Ahmad Baihaki Bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini berkaitan Institut Pendidikan Guru (IPG) di Pengkalan Chepa Kelantan, dan apakah perancangan jangka panjang Kerajaan kepada institusi yang penting ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mula melaksanakan pertukaran fungsi semua Sembilan (9) Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK) selaras dengan kelulusan Mesyuarat Jemaah Menteri. IPGK Kota Bharu diputuskan bertukar fungsi menjadi Kolej Vokasional. Pelaksanaan pertukaran fungsi ini akan dibuat secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2017, iaitu dua (2) institusi akan wujud secara bersama-sama sehingga tahun 2020 dan selepas itu akan menjadi institusi TVET sepenuhnya.